



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
(JURNAL HARIAN)**

---

**PADA HARI SELASA, 08HB., RAMADHAN 1445 / 19HB., MAC 2024  
(HARI KELIMA BELAS)**

**1. Do'a Selamat**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pembangunan iaitu Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A.
- 2.1.2. Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah diberikan peluang bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya pada Hari Isnin, 18hb Mac 2024 oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.
- 2.1.3. Tajuk Kementerian Pembangunan iaitu Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**2.2. KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

- 2.2.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A.
- 2.2.2. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyampaikan mukadimahya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
- 2.2.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, iaitu:

- i. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;
  - Mencadangkan agar projek-projek yang berimpak tinggi untuk belia diwujudkan dalam menerapkan kreativiti, inovasi dan teknologi bagi mencipta projek sosial yang memberi pulangan dan dapat dimanfaatkan masyarakat dan negara; dan
  - Ingin mengetahui berkenaan dengan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam menangani isu belia menganggur serta usaha-usaha yang berjaya dilaksanakan.
  
- ii. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;
  - Mencadangkan agar Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, melalui pendekatan '*Whole of Nation*' dapat mengungkit inisiatif pertandingan tarian khususnya 7 puak jati Brunei dijadikan sebagai acara tahunan dianjurkan mengikut kategori umur dan gaya persembahan berdasarkan kreativiti puak-puak berkenaan; dan
  - Mencadangkan pembinaan sebuah dewan serbaguna di kawasan Pekan Bangar bagi penggunaan aktiviti sukan dan berfungsi sebagai pusat kegiatan kemasyarakatan dan perekonomian untuk sebarang acara.
  
- iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim;
  - Memohon pencerahan jika terdapat langkah-langkah strategi kementerian untuk meningkatkan pencapaian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya menjadi platform untuk mengetengahkan bakat belia terutama dalam bidang yang diceburi;
  - Memohon pencerahan berkenaan fungsi *Creative, Cultural, Industries (CCI HUB)* dan *Community Library*, dan apakah sasaran yang telah ditetapkan dan akan dicapai oleh program ini dari segi

meningkatkan penglibatan pihak yang berkepentingan dalam pembangunan industri yang dimaksudkan;

- Memohon pencerahan jika agensi-agensi berkepentingan telah meneliti dan menilai *viability* bagi melarutkan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) kepada graduan-graduan yang baru dilantik dalam perkhidmatan awam yang telah dicadangkan dan apakah status program pada masa ini; dan
- Menyoalkan sekiranya *progression* dan perkembangan belia-belia cemerlang masih dipantau oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jenis kemudahan yang dihulurkan kepada mereka agar sumbangan mereka kepada masyarakat dapat dipertingkatkan.

iv. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @Tekpin bin Ya'akub;

- Menyarankan agar membuat pembaharuan dan mencari kaedah-kaedah baru bagi mempercepatkan proses penyerahan wang pencen tua dan bantuan kebajikan dengan lebih bersistematik;
- Mencadangkan agar pihak-pihak yang berkenaan memberikan perhatian yang sewajarnya bagi perubahan sistem yang dirancang sebagai penambahbaikan kualiti perkhidmatan; dan
- Mencadangkan agar ditubuhkan jawatankuasa khas atau kumpulan kerja khas dibawah pihak berkepentingan untuk meneliti, mengkaji dan menilai secara turun padang mengenai pemberian bantuan-bantuan makanan asasi dan keperluan bantuan kepada yang memerlukan.

v. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann;

- Ingin mengetahui jika pihak kerajaan mengambil maklum mengenai pengendalian Sistem Kebajikan Negara (SKN) dan apakah perancangan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di dalam memastikan SKN ini mesra pengguna, terutama bagi

- pemohon-pemohon yang kurang mahir dalam IT dan warga emas; dan
- Memohon pencerahan mengenai isu kelambatan proses permohonan pencen umur tua yang baru mencapai umur 60 tahun bagi rakyat Negara Brunei Darussalam yang memiliki kad pintar berwarna kuning.
- vi. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman;
- Ingin mengetahui perancangan pihak kerajaan dalam menyediakan Negara Brunei Darussalam untuk menganjur dan menjadi tuan rumah kepada sukan-sukan bertaraf serantau dan antarabangsa;
  - Memohon pencerahan mengenai peraturan dan syarat-syarat bagi penyediaan papan-papan tanda dalam memartabatkan penggunaan tulisan jawi dan jika ada ditubuhkan *task force* bagi memastikan peraturan dan syarat-syarat dipraktikkan serta apakah tindakan yang diambil jika terdapat sebarang pelanggaran; dan
  - Memohon penjelasan mengenai sebahagian daripada nama-nama jenama perniagaan yang ada pada papan-papan tanda perniagaan yang tidak berbahasa melayukan iaitu seperti *JobCentre Brunei*.
- vii. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee;
- Ingin mengetahui setakat mana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merangka dan melaksanakan strategi Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 untuk memanfaatkan potensi belia dalam pembangunan dan kemajuan negara.
- viii. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed;
- Mencadangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan membuat pemerhatian semula melalui persatuan-persatuan belia serta pergerakan belia negara sebagai asas kukuh untuk memastikan suara belia didengar melalui platform yang sedia ada serta merangka pelan tindakan dan melaksanakannya; dan

- Menyeru Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengintegrasikan program-program Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 ke dalam pendidikan.
- ix. Yang Berhormat Awang Ali bin Tanjong;
- Mencadangkan badan sukarelawan belia dikekalkan dan diteruskan serta dinaiktarafkan kepada taraf kebangsaan sebagai badan sukarelawan kebangsaan yang diterajui oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- x. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam;
- Memohon pencerahan berkenaan mekanisme penilaian keberkesanan dasar dan inisiatif yang terkandung dalam Pelan Tindakan Wanita; dan
  - Menyoalkan sekiranya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengusulkan cadangan yang membawa perubahan dasar dalam perkhidmatan awam dan swasta bagi memperkenalkan persekitaran kerja yang fleksibel dan menyokong keseimbangan hidup berkeluarga bagi kaum wanita yang bekerja di negara ini.
- xi. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;
- Ingin mengetahui sejauh mana keberkesanan *Youth Town Hall* dalam mencapai objektifnya dan menyoalkan fokus utama dari sesi-sesi *Youth Town Hall* yang telah diadakan;
  - Mencadangkan untuk meningkatkan sesi *Youth Town Hall* dengan penglibatan Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet;
  - Mencadangkan untuk mengadakan sesi *Youth Town Hall* di keempat-keempat daerah bagi memastikan peluang penglibatan golongan belia di seluruh negara dan mencadangkan agar sorotan dan laporan daripada sesi berkenaan untuk dikongsikan kepada

masyarakat awam dan juga untuk membangunkan laman web khusus.

- xii. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin;
  - Ingin mengetahui jumlah persatuan-persatuan belia yang dipimpin oleh belia berkeelayakan dan berpendidikan tinggi untuk memperkasa dan membimbing persatuan-persatuan belia ke arah lebih cemerlang dan gemilang di peringkat negara dan antarabangsa.
  
- xiii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;
  - Memohon pencerahan setakat mana inisiatif-inisiatif yang diungkayahkan melalui Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) mendatangkan keberkesanan yang lebih efektif dalam berjaya mengeluarkan daripada kitaran kemiskinan tanpa mengharapkan bantuan kerajaan;
  - Ingin mengetahui statistik terkini golongan miskin yang berjaya dikeluarkan dari kitaran kemiskinan; dan
  - Memohon penjelasan sekiranya kos minima keperluan asas telah direbiu atau dikemaskini jika dibandingkan dengan kos minima yang diperkenalkan pada 9 tahun lalu.
  
- xiv. Yang Berhormat Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman;
  - Ingin mengetahui jika terdapat kerjasama di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan untuk memajukan Sekolah Sukan yang kini di bawah Kementerian Pendidikan.
  
- xv. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;
  - Memohon pemberigaan jika sudah terdapat strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam penglibatan sukan dan kebudayaan berbaloi yang dapat menjana pekerjaan dan *viable alternative form of employment*.

- xvi. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;
  - Ingin mengetahui jika terdapat peruntukan tambahan bagi Unit Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) supaya ditambah dan dinaiktaraf dengan kemudahan ruang-ruang berniaga bagi penerima Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan warga kurang berpendapatan bagi membantu mencari rezeki ke arah warga mandiri.
- xvii. Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Haji Jihan;
  - Memohon pencerahan mengenai status dan kedudukan projek membaikpulih Muzium Kota Batu.
- xviii. Yang Berhormat Awang Lau How Teck;
  - Mencadangkan kerjasama di antara pihak kerajaan dan sektor swasta untuk menyusun strategi dalam merealisasikan *The Whole of Nation Approach* terutamanya bagi pembangunan belia termasuk dalam menyediakan insentif dari segi *modal (capital, support dan mentorship)* bagi menyokong usaha pertanian.

2.2.4. Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

### **2.3. KEMENTERIAN KESIHATAN**

- 2.3.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Kesihatan iaitu Tajuk SM01A.
- 2.3.2. Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah menyampaikan mukadimahnyanya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Kesihatan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI RABU, 20HB MAC 2024 JAM 10.00 PAGI]**

---